LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board
Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : MPOB/COPCU/C05/2026

5 November 2026

Semua pemegang lesen Kategori Tapak Semaian Sawit (NN)

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBAYARAN CAJ YURAN AUDIT KOD AMALAN BAIK TAPAK SEMAIAN SAWIT (CoPN) SEBAGAI PRASYARAT PENJADUALAN AUDIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pengurusan MPOB telah membuat penambahbaikan kepada Prosedur Operasi Standard (SoP) berkaitan pembayaran caj yuran audit CoPN. Penambahbaikan ini dilaksanakan bagi memastikan bayaran caj yuran audit diselesaikan sebelum audit dilaksanakan serta mengelakkan berlakunya tunggakan atau hutang yuran CoPN selepas audit selesai dijalankan.

3. Selaras dengan ketetapan baharu tersebut, invois caj yuran audit akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak tapak semaian sawit dan bayaran penuh hendaklah dijelaskan sebagai prasyarat sebelum penjadualan audit dapat dibuat. Penjadualan audit hanya akan dilaksanakan setelah bayaran diterima dan disahkan oleh Sekretariat Yuran CoP. Sehubungan itu, semua tapak semaian yang menerima invois caj yuran audit adalah dimohon untuk mengambil tindakan dan membuat pembayaran dengan segera bagi membolehkan proses penjadualan audit dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Ketetapan ini adalah penting bagi memastikan status pensijilan CoPN tidak terganggu atau terjejas akibat kelewatan dalam proses pembayaran dan penjadualan audit. Pihak tapak semaian sawit bertanggungjawab memastikan bayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kelewatan terhadap proses audit dan pensijilan CoPN.

5. Ketetapan pembayaran sebelum penjadualan audit ini akan berkuat kuasa bagi semua audit CoPN yang akan dilaksanakan mulai **1 Januari 2027**, manakala pengeluaran invois akan dimulakan pada **16 November 2026** sebagai persediaan awal pelaksanaan ketetapan tersebut.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan invois, pembayaran caj audit dan urusan yuran CoPN boleh diajukan kepada Sekretariat Yuran CoP, **En.** Muhammad Izzat Norman di talian 03-8911 0169 atau melalui emel secretariatcop@mpob.gov.my/yurancop@mpob.gov.my.

7. Kerjasama dan tindakan segera pihak tuan/puan dalam mematuhi ketetapan ini amat dihargai bagi memastikan urusan pembayaran caj yuran audit, penjadualan audit dan proses pensijilan CoPN dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
Ketua Pengarah

SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602

PIPOC 2027